



Analisis Sosiosemiotik Terhadap Konsepsi Lambang Flora dalam Pantun Nasihat *A Socio-Semiotic Analysis of the Concept of Flora Symbols In "Pantun Nasihat"*

Open
Access

Khairulanwar Abdul Ghani^{1,*}, Noriah Mohamed¹

¹ Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 11 September 2019

Received in revised form 8 October 2019

Accepted 11 October 2019

Available online 28 October 2019

ABSTRAK

Pantun mengungkapkan nilai kemasyarakatan, adat dan budaya Melayu, nilai ekonomi, nilai ilmu keagamaan serta nilai ilmu sains dan teknologi. Segala yang dilahirkan melalui pantun adalah berupa nasihat, dengan berbagai-bagai ragam bahasa yang tinggi dan bernilai sastra. Penggunaan pantun sebagai salah satu cara halus dan sopan dalam menyampaikan sesuatu hasrat yang terbuak di hati telah menjadikan pantun sebagai suatu bentuk bahasa yang indah dan unik. Pemilihan dan penggunaan bentuk kata dalam pantun amat berkait rapat dengan pemikiran masyarakat Melayu yang sentiasa menggunakan unsur alam sebagai kias ibarat dalam memperkatakan sesuatu. Oleh itu, fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis simbol flora yang terdapat dalam pantun kategori nasihat berdasarkan buku *Kurik Kundi Merah Saga (KKMS)*. Sebanyak 219 rangkap pantun nasihat digunakan sebagai data bagi menganalisis lambang flora dalam pantun yang bertemakan nasihat. Kajian ini memanfaatkan kerangka semiotik Michael Riffaterre bagi melihat unsur flora yang berfungsi sebagai lambang yang ditandai dalam bahagian pembayang pantun. Dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa simbol flora dalam penciptaan pantun mendukung makna tersirat yang lazimnya berfungsi sebagai nasihat dan teguran kepada masyarakat. Simbol flora bukan sahaja mempunyai pelbagai maksud yang tersendiri, namun mampu memperlihatkan daya kreativiti masyarakat Melayu mengaplikasikan konsep alam flora dengan perilaku, benda, perkara dan peristiwa yang berlaku di sekitar kehidupan mereka.

Poems expresses societal values, culture and Malay culture, economy, values of religions knowledge and values of science and technology. All was born through pantuns is advice and guidance, with the range of high diversity of languages and literary value. Pantuns is one of very fine ways to express feeling which make the pantuns language unique and beautiful. Every words chosen in pantuns phrases has its own aesthetical and lexical functions, which are very much related to the way of thinking among the Malay people, who always refer to surrounding world as a symbolic way to express their own feeling. Therefore, the objective of this study is to identify and analysis the concept of the flora symbols in the pantuns nasihat based on a book "Kurik Kundi Merah Saga (KKMS)". A total of 219 stanza from pantuns are used as data to analyse the flora symbols in pantuns nasihat. A theoretical framework by Michael Riffaterre [18] is used to analyses flora elements that functioning as symbols in stanza. The findings obtained indicated that, the flora symbols in pantuns have its own

* Corresponding author.

E-mail address: ujanasastera.ka3@gmail.com (Khairulanwar Abdul Ghani)

meaning that are used to express feeling. The flora symbols not carry its own lexical meaning only, but also reveal the creativity of Malay people in applying the concept of the flora with people's behaviours or attitude, things, matters and events revolved around their life.

Kata kunci:

Semiotik, simbol, flora, budaya, pantun
nasihat

Keywords

*Semiotic, symbols, flora, pantuns
nasihat*

Copyright © 2019 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pengenalan

Semiotik merupakan salah satu cabang disiplin ilmu linguistik yang menumpukan pengkajian terhadap tanda dan lambang yang bersifat saintifik, dikenali dengan istilah '*science of sign*'. Tanda dan lambang di sini mewakili sesuatu yang lain yang berupa pengalaman fikiran, perasaan, gagasan dan sebagainya. Oleh itu, tanda bukan bersifat bahasa semata-mata, bahkan merangkumi pelbagai hal yang meliputi kehidupan.

Michael Riffaterre (1978) menyatakan bahawa kajian semiotik bersesuaian untuk sebarang kajian bahasa, khususnya sastera. Tegasnya, kajian bahasa dari sudut semiotik amat luas dan menyentuh semua persoalan hidup kerana di dalamnya begitu kaya dengan lambang-lambang yang perlu ditafsir maknanya. Oleh itu, Riffaterre melalui bukunya '*Semiotic of Poetry*' telah mengemukakan satu pendekatan disiplin semiotik yang dapat membantu pembaca merungkaikan masalah berhubung dengan makna sesebuah karya puisi tradisional. Menurut Riffaterre, kandungan sesebuah puisi dapat dijelaskan dengan melihat kemampuan bahasanya kerana puisi selalunya dinyatakan secara tersirat. Tanda dan lambang lazimnya digunakan sebagai kias ibarat dalam sesuatu karya puisi bagi menyampaikan sesuatu mesej secara halus dan berkesan.

Puisi adalah satu cabang kesenian manusia yang merujuk susunan atau aturan ayat yang menyampaikan maksud dalam bentuk yang indah. Puisi Melayu berkembang selari dengan arus perkembangan tamadun bangsa Melayu. Puisi Melayu terbahagi kepada dua, iaitu puisi Melayu tradisional dan puisi Melayu moden. Puisi Melayu tradisional merujuk kepada pantun, syair, teromba, talibun, gurindam, seloka dan sebagainya, manakala puisi Melayu moden ialah sajak. Budaya Melayu banyak memasukkan unsur-unsur alam dalam gubahan seni dan anyaman kehidupan. Unsur-unsur alam atau citra alam digunakan sebagai pengias dan pengibarat yang boleh diteladani oleh manusia. Dari renungan terhadap alam, orang Melayu menemui makna kewujudan dan makna kehidupan dalam penciptaan puisi, khususnya pantun.

Pada ketika dahulu, pantun yang terdiri daripada empat baris dalam tiap-tiap rangkap dengan dua baris pertama merupakan pembayang maksud dan dua baris berikutnya mengandungi maksud menjadi bahasa yang digunakan sebagai alat komunikasi yang bertujuan menjaga air muka pendengar atau orang yang dilawan bercakap. Melalui pantun, orang Melayu berkias mengenai sesuatu secara halus dan teliti agar setiap teguran yang ingin disampaikan akan diterima dengan baik oleh masyarakat.

Budaya Melayu banyak memasukkan unsur alam dalam gubahan seni dan anyaman kehidupan (Nurul Aminah dan Hasnah, 2014: 2). Pemikiran orang Melayu ditentukan melalui interaksinya dengan alam. Unsur-unsur alam dalam pantun adalah satu-satunya cara yang paling indah, impresif dan paling berkesan untuk mendendangkan atau meluahkan sesuatu yang terbuku di hati, maka keunikan pantun-pantun lama yang banyak memasukkan unsur-unsur alam ini tidak sepatutnya dipandang enteng oleh masyarakat, sebaliknya perlulah dimartabatkan serta dikekalkan seni pengucapan tradisional ini supaya 'tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas'.

Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis simbol flora yang berfungsi sebagai pembayang dalam pantun melalui kaca mata semiotik. Pendekatan ini digunakan bagi mencari jawapan terhadap persoalan yang timbul di sebalik lambang atau simbol yang digunakan dalam pantun Melayu dan seterusnya cuba meneroka akal budi Melayu dengan mendalam.

2. Pernyataan Masalah

Analisis terhadap bidang semiotik dalam pantun Melayu dilakukan kerana terdapat kesukaran memahami sesuatu lambang atau unsur yang terdapat di dalam satu-satu rangkap pantun tersebut. Makna dan maksud sebenar sesebuah pantun dapat difahami dan dihayati dengan jelas apabila unsur simbolik yang melatarinya difahami. Sebagai contoh:

Orang mengail *ikan sepat*,
Dapat seekor ikan cencaru;
Sudahkah habis tenung makrifat,
Maka tuan bercakap begitu.

(KKMS, 495:8)

Simbol atau lambang yang ditandai dalam pantun tersebut ialah lambang fauna, iaitu 'ikan sepat'. Lambang fauna 'ikan sepat' dalam penggunaan pantun tersebut mendukung makna simbolik yang tertentu dalam masyarakat Melayu dahulu. Dalam konteks masyarakat Melayu, ikan sepat menjadi simbol untuk menyindir seseorang. Ikan sepat merupakan simbol yang merujuk kepada orang yang bodoh dan malas (Muhammad Haji Salleh, 2006: 17). Hal ini bertepatan dengan peribahasa Melayu yang berbunyi, 'seperti sepat ketohoran' yang membawa maksud kebodohan dan kemalasan.

Pembaca pantun mungkin telah terbiasa dengan kod 'ikan sepat' kerana ini menjadi indeks dalam kehidupan harian mereka. Pembaca pantun mungkin boleh menanggapi kod 'ikan sepat' yang melatari pantun tersebut pada tahap pertama, iaitu secara literal. Namun begitu, khalayak pembaca akan mengalami kesukaran untuk menafsir makna secara keseluruhan kerana ia melibatkan pembongkaran kod-kod kata secara terperinci dan tepat. Oleh itu, bagi memahami makna pantun secara keseluruhan dan lebih mendalam, pembaca perlu membongkarkan kod-kod kata yang digunakan dalam pantun tersebut dengan berhemat dan tepat. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa kajian disiplin semiotik terhadap pantun Melayu sangat tepat dan relevan untuk dikaji kerana ia menyediakan satu teknik atau cara bagaimana untuk memahami pantun secara lebih jelas dan tepat.

Selain itu, sikap masyarakat di Malaysia yang kurang memberi sambutan terhadap pantun Melayu, terutamanya dari golongan remaja kini telah mendorong pengkaji untuk meneruskan kajian tentang pantun. Hal ini dapat dilihat di dada-dada akhbar yang banyak memaparkan keadaan atau senario semasa tentang puisi-puisi Melayu yang semakin dilupakan. Sebagai contoh, akhbar Berita Harian (2016: 23), memuatkan satu artikel yang berjudul "Pantun Semakin Dilupakan".

Sehubungan dengan itu, kajian ini meneliti kehadiran lambang flora dalam pantun Melayu dengan berlandaskan kepada bidang semiotik. Kajian ini cuba melihat korelasi hubungan yang bersifat sejajar antara lambang dan makna dalam pantun. Kajian ini juga sekurang-kurangnya dapat menambah bilangan kajian dan membantu khalayak pembaca memahami makna sesebuah karya pantun dengan lebih jelas dan tepat. Hal ini demikian kerana lambang-lambang yang digunakan dalam pantun-pantun lama dapat difahami dengan mudah apabila makna simbolik di sebalik lambang yang digunakan oleh penulis berkenaan dapat difahami oleh pembaca

3. Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenal pasti dan menganalisis simbol flora yang terdapat dalam pantun kategori nasihat.
- ii. Menganalisis jenis lambang flora yang paling dominan yang terdapat dalam pantun kategori nasihat.

4. Kajian Lepas

Kepentingan pantun terlihat melalui pelbagai kajian yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji, dalam dan luar negara. Kajian tidak sekadar bertumpu kepada kajian pantun secara umum yang menjelaskan tentang kepentingan penciptaan pantun, tetapi juga kajian pantun yang lebih mengkhusus berteraskan pendekatan tertentu. Mohamad Azmi Ab. Rahman (1992) misalnya, dalam kajian bertajuk 'Symbolisme Dalam Pantun Melayu' meneliti penggunaan simbol dalam pantun Melayu dengan menggunakan konsep simbolisme. Objektif kajian beliau adalah untuk memperlihatkan bahawa simbol sebagai salah satu unsur bahasa dan kod budaya turut memancarkan jalur budaya dan pemikiran masyarakat baik secara individu atau kelompok masyarakat yang mewakili zamannya.

Dapatan daripada hasil kajian ini menunjukkan bahawa simbol dari pembahagian simbolisme yang dilakukan didapati penggunaannya kerap di bahagian maksud pantun dengan mendukung makna di sebaliknya, manakala penggunaan simbol di bahagian pembayang pula biasanya sebagai hiasan semata-mata yang berfungsi sebagai pelengkap pada baris pantun.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Ahadi Sulissusiawan (2014) yang bertajuk '*Pantun Muhakam Dalam Adat Perkahwinan Melayu Sambas: Analisis Symbolisme*' turut meneliti pantun dari aspek perlambangan atau simbol. Fokus utama dalam kajian beliau ialah mengkaji simbol-simbol dalam pantun perkahwinan yang diucapkan oleh muhakam. Berdasarkan analisis beliau terhadap pantun telah membahagikan empat konsep dalam merumuskan makna simbolik pantun adat perkahwinan Melayu Sambas. Empat kategori tersebut ialah kategori adab, kategori jantina, falsafah kehidupan yang berisikan makna simbolik dan akhir sekali ialah kategori adat dan budaya setempat.

Kajian oleh Andry Hermawan (2010) yang bertajuk "*A Semiotic Analysis on Kim Addonizio's Poems*" bertujuan untuk menganalisis kewujudan lambang dalam puisi dengan menggunakan pendekatan semiotik Charles Sanders Peirce. Kajian ini meneliti tiga buah puisi oleh penyair terkenal Amerika Syarikat, iaitu Kim Addonizio. Kajian ini cuba menganalisis jenis simbol yang berbeza menerusi puisi-puisi yang dikaji.

Hasil kajian menunjukkan bahawa setiap puisi mempunyai simbol atau lambang yang berbeza yang berfungsi mengikut maksud yang cuba disampaikan oleh penyair dalam satu-satu puisi. Hal ini demikian kerana setiap puisi yang dihasilkan mempunyai tema-tema yang tertentu, maka lambang yang digunakan juga adalah berlainan bagi setiap tema. Sebagai contoh, puisi yang bertajuk *What Do Women Want* menggunakan banyak perlambangan berunsur flora, iaitu bunga. Bunga merupakan lambang sejagat (*universal sign*) yang merujuk kepada wanita, manakala kumbang pula sering digunakan bagi merujuk lelaki.

Seterusnya, kajian oleh Noriza Daud (2004) meneliti konsep lambang kata nama dalam pantun bertemakan perbilang adat dan keagamaan yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1984) dalam Kumpulan Pantun Melayu yang diselenggarakan Zainal Abidin Bakar. Kajian ini menggunakan kerangka semiotik Sanat Mad Nasir, iaitu Model Semiotik Paling Luas (MSPL) bagi

meneliti lambang kata nama yang terdiri daripada lambang kata nama konkrit, lambang kata nama abstrak dan lambang kata nama ghaib.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa lambang-lambang dalam pantun keagamaan bersifat lambang kata nama literal, iaitu makna disampaikan secara terus, manakala bagi pantun perbilangan adat pula adalah bersifat lambang kata nama kiasan. Kajian yang dijalankan ini lebih cenderung membincangkan konsep lambang dari sudut keagamaan dengan berlandaskan kepada al-Quran dan Hadis. Ringkasnya, kajian seumpama ini amat sesuai dijadikan rujukan dalam bidang semiotik terutamanya kajian yang melibatkan karya-karya sastera tempatan.

Seterusnya, kajian oleh Mohamad Shaidan (2011) yang bertajuk '*Penjabaran Semiotik dalam Puisi-Puisi Suhaimi Haji Muhammad*' bertujuan untuk mengenal pasti unsur-unsur semiotik yang paling dominan dalam puisi. Kajian ini menggunakan pendekatan semiotik yang dikemukakan oleh Charles Sander Peirce yang menumpukan kepada tiga jenis tanda, iaitu simbol, indeks dan ikon.

Hasil dapatan menunjukkan puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad lebih banyak menggunakan simbol berbanding indeks dan ikon. Penggunaan simbol yang banyak ini merupakan sebab mengapa puisi yang dihasilkan oleh Suhaimi Haji Muhammad ini sukar difahami maknanya. Hal ini demikian kerana penggunaan simbol dalam puisi memerlukan pembaca menggunakan sistem kognitif mereka untuk berfikir bagi mentafsir makna puisi tersebut. Makna puisi tidak dapat difahami selagi mana pembaca tidak mampu memahami makna tersirat simbol yang digunakan dalam puisi tersebut. Kajian ini membuktikan penggunaan indeks oleh penulis berfungsi membuka pandangan luas pembaca terhadap kehidupan ini, manakala tanda ikon pula berfungsi untuk merayu emosi pembaca agar tertarik terhadap puisi yang ditulisnya.

5. Data dan Metodologi Kajian


Secara dasarnya, data kajian dipetik daripada koleksi pantun Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2015 (cetakan kedua) dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga*. Edisi pertama (1995) membahagikan kategori pantun mengikut negeri pantun diperoleh. Edisi kedua (2005) pula telah dikategorikan mengikut fungsi pantun. Bagi kajian ini, KKMS Edisi kedua (2015) digunakan sebagai data kajian. Kajian ini hanya memanfaatkan tema pantun kategori nasihat sahaja.

Seterusnya, pengkaji akan mengenal pasti kewujudan simbol flora berdasarkan kategori tema pantun yang telah dipilih. Flora ialah istilah biologi yang bermaksud keseluruhan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sesuatu daerah atau pada sesuatu masa. Menurut Muhammad Haji Salleh (1992: 7) masyarakat Melayu yang menjalani kehidupan di dalam alam boleh juga dikatakan sebagai 'manusia ialah alam'. Masyarakat Melayu hidup di dalam 'ruang alam', iaitu tinggal di tepi sungai, di tepi pantai, tepi bukit, lembah, tepi hutan, pinggir paya dan sebagainya yang mencari rezeki di sekitar kawasan hutan, sungai, laut, paya dan bukit. Untuk mencari rezeki, mereka perlu mengenali ruang alam di sekeliling kawasan dengan mendalam. Pengetahuan yang mendalam terhadap alam tumbuhan mewujudkan keakraban antara manusia dengan alam, seterusnya dapat mempelajari sifat-sifat alam tumbuhan.

5.1 Teori Semiotik Michael Riffaterre


Kajian ini memanfaatkan pendekatan semiotik, iaitu pendekatan yang berasaskan kajian tentang sains tanda bagi melihat korelasi hubungan antara simbol dan makna dalam pantun. Michael Riffaterre dalam bukunya yang berjudul *Semiotics of Poetry* (1978), menyatakan bahawa untuk memahami bahasa puisi, seseorang itu perlu melakukan penyahkodan bagi mendapatkan makna

sebenarnya yang cuba disampaikan penulis melalui karyanya. Rajah berikut menunjukkan hubungan atau proses yang berlaku hasil proses penyahkodan:



Rajah 1. Proses Penyahkodan


Melalui rajah tersebut, Michael menjelaskan bahawa proses penyahkod bagi sesebuah puisi memerlukan tiga aspek utama, iaitu pengekod, pengetahuan tentang kod dan rujukan bagi memahami kod. Melalui tiga aspek ini, Michael seterusnya mengemukakan empat perkara utama yang perlu diperhatikan dalam memahami dan memaknai sesebuah puisi. Empat perkara utama tersebut ialah:




Rajah 2. Pendekatan 'Semiotics of Poetry'

6. Analisis dan Dapatan Kajian

Dalam proses penganalisan data, kajian ini menggunakan kerangka teori 'Semiotics of Poetry' yang dikemukakan oleh Michael Riffaterre (1978) bagi meneliti unsur-unsur semiotik yang terdapat dalam pantun-pantun yang dipilih. Berikut merupakan graf yang menunjukkan peratusan berdasarkan jenis lambang flora yang telah dikenal pasti:



Rajah 3. Jumlah Jenis Lambang Flora dalam Pantun Nasihat



Rajah 4. Peratusan Lambang Flora dalam Pantun Nasihat

Rajah 3 dan 4 menunjukkan jumlah dan peratusan jenis lambang flora yang terdapat dalam pantun nasihat yang telah dikenal pasti. Melalui hasil penelitian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa terdapat 16 jenis lambang flora yang berlainan yang melatari pantun bertemakan nasihat, iaitu delima, padi, buah rambai, buah kelubi, cengal, bunga raya, kelapa, jati, buah betik, pisang, tebu, buah kedondong, bunga melur, buah pedada, limau dan ubi. Berdasarkan analisis kajian yang dijalankan, lambang flora padi merupakan jenis unsur flora yang paling banyak dicatatkan penggunaannya dalam pantun nasihat yang dikaji.

6.1 Analisis Pantun Nasihat Simbol "Padi"

Berdasarkan analisis kajian yang dijalankan, lambang flora padi merupakan jenis unsur flora yang paling banyak dicatatkan penggunaannya dalam pantun nasihat yang dikaji iaitu sebanyak 21 entri atau bersamaan dengan 14%. Dalam masyarakat Melayu tradisi, unsur padi dianggap sebagai

sesuatu yang sangat bermakna dalam masyarakat (Tengku Intan Marlina, 2016: 27). Hal ini demikian kerana punca rezeki masyarakat Melayu dahulu adalah berasaskan kepada kegiatan menanam padi, penghidupan orang Melayu berkisar kepada perlakuan-perlakuan yang berkaitan dengannya (Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, 1992: 17). Berikut merupakan contoh analisis bagi lambang flora padi berdasarkan pendekatan semiotik Michael Riffaterre (1978):

Padi muda jangan dilurut,
Kalau dilurut patah batangnya;
Hati muda jangan diturut,
Kalau diturut susah datangnya.
(PNP2, 496: 5)

6.1.1 Ketidaklangsungan ekspresi

Tahap pertama ialah membuat penelitian secara memetik. Tahap ini yang perlu dilihat ialah menemukan lambang atau tanda yang mempunyai makna simbolik tertentu yang berfungsi melengkapkan maksud sebenar pantun. Berdasarkan pantun tersebut, bahagian pada kuplet pertama telah membayangkan maksud yang hendak disampaikan pada bahagian makna pada kuplet kedua. Simbol yang ditandai dalam pantun ini ialah unsur flora, iaitu padi. Simbol padi dianggap **ambiguiti**, iaitu mempunyai makna pelbagai yang dapat ditafsirkan mengikut konteks sehingga menghasilkan makna lebih daripada satu. Riffaterre (1978: 2) mengungkapkan sifat pantun melalui kata-katanya, *says one thing, means another*. Ungkapan tersebut bermaksud pantun berupaya untuk menyatakan ketidaklangsungan erti. Pantun tersebut memperlihatkan bahawa wujudnya **penyimpangan erti** yang berlaku disebabkan oleh ambiguiti, kontradiksi dan *nonsense* (tidak bermakna). Lambang atau simbol dalam pantun yang boleh terdiri daripada kata, frasa dan ayat sering mempunyai erti yang berganda sehingga menimbulkan banyak pentafsiran atau ambiguiti.

6.1.2 Heuristik

Secara dasarnya, pantun tersebut mengisahkan keadaan padi muda, jika dilurut akan menyebabkan batangnya patah. Padi yang masih muda jangan dilurut kerana batangnya yang masih lembut akan menyebabkan pokok padi tersebut rosak atau patah batangnya. Padi merupakan makanan asas bagi ramai penduduk dunia, terutamanya di Asia. Terdapat dua jenis padi, iaitu padi sawah yang juga dikenali sebagai padi bendang dan padi huma atau padi bukit. Disebabkan padi merupakan tanaman kontan ketika zaman dahulu, maka masyarakat Melayu banyak menggunakan perlambangan padi dalam memaknai sesebuah pantun yang dihasilkan.

Horizontal	Vertikal
Padi muda jangan dilurut	Padi muda dengan hati muda?
Kalau dilurut patah batangnya	Jangan dilurut dengan jangan diturut?
Hati muda jangan diturut	Kalau dilurut dengan kalau diturut?
Kalau diturut susah datangnya	Patah batangnya dengan susah datangnya?

6.1.3 Matriks (MAT), Model (MOD) dan Varian (VAR)


Pantun lazimnya terbina melalui tiga komponen utama, iaitu matriks (MAT), model (MOD) dan kemudian ditransformasikan menjadi varian (VAR). Untuk menganalisis pantun, MAT yang boleh terdiri daripada satu kata, gabungan kata, bahagian kalimat atau kalimat sederhana perlu diabstrak kerana MAT berfungsi sebagai kata kunci yang mengarah kepada tema sebenar sesebuah pantun. MAT, MOD, dan teks yang merupakan VAR daripada struktur yang sama dikenali pada pembacaan tahap kedua. MAT dalam rangkap pantun tersebut boleh dizahirkan melalui baris maksud *hati muda jangan dilurut* dan *kalau diturut susah datangnya*. MOD pula ialah kiasan dalam pantun yang berperanan sebagai kata kunci untuk memperoleh makna MAT. Melalui pemaknaan MAT, terdapat beberapa kata kunci yang berperanan sebagai MOD dalam pantun yang dianalisis, iaitu frasa *padi muda* dan *patah batangnya*.

VAR dalam pantun ini pula merupakan transformasi MOD pada setiap satuan tanda (baris pantun) yang terdiri daripada frasa padi muda pada baris pembayang yang pertama dan frasa patah batangnya pada baris pembayang yang kedua. Daripada MAT, MOD dan VAR barulah tema pantun ini dapat diabstrakkan, iaitu jangan terlalu mengikut kehendak hati sehingga mampu membinasakan diri sendiri. Ringkasnya, pantun ini meyampaikan nasihat agar setiap tindakan yang dibuat menurut kata hati perlulah ditunjangi oleh iman dan akal supaya tindakan yang dibuat tersebut adalah yang terbaik dan bukannya sekadar mengikut hawa nafsu semata-mata.

6.1.4 (i) Hermeneutik: Hipogram I

Hipogram I berupa separa-andaian. Dalam proses pembacaan tahap pertama dapat dikesan berlakunya ketidakgramatikaln antara fakta yang berhubungan pada tahap pembacaan heuristik kerana khalayak masih belum boleh memahami makna pantun secara menyeluruh dan tepat. Oleh itu, pantun perlu diulang baca (retroaktif) dengan memberikan tafsiran secara hermeneutik.

Bagi memahami dengan lebih jelas struktur leksikal dalam pantun, Riffaterre mengemukakan dua kategori yang menjadi asas pemerolehan makna dalam sesebuah rangkaian pantun. Kategori pertama ialah pengumpulan (*accumulation*) melalui **persamaan makna** (*shared semes*) berdasarkan parataksis, manakala kategori kedua pula ialah **sistem deskriptif** berdasarkan hipotaksis (Riffaterre, 1983: 7). Proses pengumpulan ini berlaku apabila pembaca mengenal pasti perkataan-perkataan yang mempunyai elemen yang sama yang seterusnya mengarah kepada makna yang sama. Melalui kaedah pengumpulan (*accumulation*), pembaca boleh memahami lambang yang digunakan berdasarkan titik persamaan antara lambang dengan perkataan-perkataan dalam rangkaian pantun. Rajah berikut menunjukkan persamaan atau perkongsiaan makna bagi dua leksikal:



Rajah 5. Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Flora Padi

Rajah tersebut memperlihatkan perkongsian makna (*shared senses*) bagi perkataan atau frasa yang berfungsi sebagai kata kunci dalam rangkap pantun. Butir-butir leksikal tersebut berkongsi persamaan makna yang akhirnya mengarah kepada proses seterusnya, iaitu hubungan intertekstualiti (hipogram). Lambang flora *padi* dalam pantun tersebut membawa konotasi positif dalam masyarakat Melayu, iaitu dikaitkan dengan budi. Proses seterusnya ialah proses pembongkaran kod kata bagi memahami makna pantun dengan lebih jelas dan tepat.

6.1.4 (ii) Hipogram II

Hipogram II ialah proses pembongkaran kod kata bagi mencari signifikan makna teks dengan lebih jelas dan tepat. Pembaca pantun mungkin telah terbiasa dengan kod 'padi muda' hal ini kerana kod ini telah menjadi indeks dalam kehidupan harian mereka. Pada ketika dahulu padi muda ini sering menjadi tumpuan kanak-kanak nakal. Disebabkan isi padi muda yang agak manis dan berlemak, maka ia menjadi tumpuan kanak-kanak ketika itu. Padi tersebut akan dilurut dan kemudiannya dimakan mentah-mentah. Hal ini menyebabkan batang pokok padi yang masih muda tersebut patah dan merugikan petani ketika itu (Anim Hosnan, 2019: 3). Oleh hal yang demikian, wujudlah frasa 'padi muda jangan dilurut' dan 'jika dilurut patah batangnya' yang bertujuan memberi peringatan dan larangan tentang perbuatan melurut tersebut.

Kod 'padi muda' dan 'hati muda' adalah saling bersejajaran serta berhubungan antara satu sama lain. Sifat yang ada pada padi muda yang mudah rosak apabila dilurut dikonsepsikan dengan hati orang muda yang mudah mengikut kata hati sehingga membinasakan diri. Seperti kata pepatah Melayu, "ikut hati mati, ikut rasa binasa dan ikut nafsu lesu". Orang muda yang baru meningkat dewasa dianggap sedang mengalami proses kematangan dan sering kali menurut kata hati tanpa membuat sebarang pertimbangan yang sewajarnya. Akibat menurut kata hati tanpa bertunjukkan akal fikiran yang waras, maka hasil daripada tindakan yang dibuat akan merugikan diri sendiri.

Bagi kod 'jangan dilurut' dan 'jangan diturut' pula adalah saling melengkapi, iaitu kedua-duanya membawa sifat yang sama. Kata perintah 'jangan' merupakan tegahan serta larangan kepada sesuatu perbuatan. Berdasarkan konteks pantun tersebut, kata perintah 'jangan' merupakan tegahan kepada anak muda agar tidak menurut kata hati secara sewenang-wenangnya tanpa dipandu akal yang waras dalam membuat sebarang keputusan. Kod 'jangan dilurut' juga membawa maksud yang sama tetapi berlainan konteks. Kata kerja 'lurut' menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) bermaksud memegang dengan jari dan mengurut. Kata perintah 'jangan dilurut' berdasarkan pantun tersebut merujuk kepada larangan kepada kanak-kanak supaya tidak melurut pokok padi yang masih muda kerana akan menyebabkan batang pokok padi tersebut patah dan rosak.

Di samping itu, sifat padi muda yang berwarna hijau juga membawa konotasi tertentu dalam masyarakat Melayu. Warna hijau menurut alam Melayu membawa konotasi negatif, iaitu merujuk sifat muda dan mentah. Hal ini dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Chin Huey (2016: 6) yang menyatakan bahawa warna hijau melambangkan ketidakmatangan, muda dan mentah, manakala warna kuning pula melambangkan kegembiraan dan kesempurnaan (rujuk sorotan literatur kajian). Hal ini bermakna, sifat padi muda yang berwarna hijau dan masih belum menguning melambangkan ketidakmatangan dan masih mentah. Oleh itu, jelaslah bahawa sifat padi muda dalam rangkap pantun tersebut berikonik dengan orang muda yang masih mentah dan belum mencapai usia kematangan.

Selain itu, kod 'patah batangnya' dan 'susah datangnya' adalah bersejajaran dari segi linguistik mahupun makna yang didukung oleh kedua-dua kod tersebut. Kod 'patah batangnya' merujuk kepada anak padi, iaitu jika dilurut akan menyebabkan batangnya patah atau rosak, manakala, kod 'susah datangnya' adalah merujuk kepada kesan ke atas manusia, iaitu seseorang yang sering mengikut kata hati tanpa membuat pertimbangan sewajarnya akan memberi kesan yang buruk kepada dirinya sendiri. Masyarakat Melayu menterjemahkan kenyataan alam yang dilihat dan diamati ke dalam kenyataan manusia secara realiti.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa masyarakat Melayu menterjemahkan padi itu sebagai tanda yang membawa kepada pembinaan masyarakat yang baik. Bagi membina masyarakat yang baik itu, unsur dalaman dan unsur luaran perlu bersatu supaya dapat dilihat hasilnya melalui perlakuan, pertuturan dan pemikiran yang waras. Kebijaksanaan masyarakat Melayu tradisional dalam memilih objek-objek tertentu untuk menghasilkan makna yang lain dan lebih mendalam sebagai simbol dalam pantunnya memperlihatkan kepekaan mereka walaupun tidak menerima pendidikan secara formal. Seperti mana yang telah diketahui, masyarakat tradisional hanya mempelajari dari keadaan sekeliling yang dijadikan sebagai teladan, sepertimana yang tergambar dalam ungkapan 'alam terkembang dijadikan guru'.

6.2 Analisis Pantun Nasihat Simbol "Bunga Lalang"

Lambang flora seterusnya yang dikesan terdapat dalam pantun nasihat yang dikaji ialah bunga lalang. Lambang bunga lalang mencatatkan jumlah kekerapan sebanyak 10 entri dengan peratusan 7%. Disebabkan ciri dan sifat yang ada pada bunga lalang, maka perlambangan ini sering digunakan dalam peribahasa dan pantun-pantun Melayu lama bagi merujuk makna tertentu. Berikut merupakan contoh lambang bunga lalang yang terdapat dalam pantun nasihat yang dikaji:

Bunga lalang berikat benang,
Bungkus mari dengan kain;
Harimau diam nampak senang,
Jangan tepuk nak buat main.
(PNL, 472: 1)

6.2.1 Ketidaklangsungan ekspresi

Pada tahap ini yang perlu dilihat ialah menemukan lambang atau tanda yang mempunyai makna simbolik tertentu yang berfungsi melengkapkan maksud sebenar pantun. Simbol yang ditandai dalam pantun tersebut yang perlu dilihat ialah simbol 'bunga lalang'. Simbol ini perlu dirungkai serapi mungkin agar makna yang ingin disampaikan oleh penulis dalam pantun tersebut dapat difahami dengan lebih jelas dan tepat. Simbol lalang dianggap **ambiguiti**, iaitu mempunyai makna pelbagai yang dapat ditafsirkan mengikut konteks sehingga menghasilkan makna lebih daripada satu. Pantun tersebut memperlihatkan bahawa wujudnya **penyimpangan erti** yang berlaku disebabkan oleh ambiguiti. Oleh hal yang demikian, lambang lalang ini perlu diperincikan dengan lebih mendalam agar makna atau maksud sebenar pantun dapat difahami dengan lebih jelas dan tepat.

Lalang atau nama saintifiknya *Imperata cylindrical* merupakan sejenis tumbuhan yang hidup subur di kawasan-kawasan tropika termasuklah Malaysia dan Indonesia (Hembing, 2000: 173). Lalang mudah membiak melalui benih yang ditiup angin, melalui keratan *rizom*. Lalang digunakan sebagai medium atau agen yang bertindak mengurangkan hakisan tanah. Malah, menurut kajian juga lalang mampu mengekalkan kesuburan tanah. Pantun nasihat di atas dikaji menggunakan teori pensemiotikan Riffaterre, iaitu melihat pantun tersebut dalam satu terokaan semiotik, tahap pertama sekali ialah membuat penelitian secara memetik. Tahap ini yang perlu dilihat ialah menemukan makna dan pembayang yang tiada kaitan dengan maksud pantun. Secara lateral dua baris pembayang berkenaan menceritakan bunga lalang.

Berdasarkan kepada pantun di atas dapat dilihat terdapatnya hubungan antara dua kuplet yang menampakkan satu gerakan, iaitu gerakan dari alam secara luaran kepada manusia secara dalaman. Pantun ini diibaratkan seperti membayangkan keperihalan manusia serentak diselindungi dan dibayangkan dengan imageri alam yang dicerminkan menggunakan perlambangan flora. Pada baris pertama dan kedua membayangkan tentang keperihalan manusia yang angkuh dan riak dengan kelebihan yang ada pada dirinya sehingga merendah-rendahkan orang lain.

6.2.2 Heuristik

Secara literal, pantun tersebut mengisahkan sifat yang ada pada lalang, iaitu apabila berbunga, bunganya itu menjulang ke langit walaupun tidak dipedulikan orang. Kemudian bunganya luruh dan habis ditiup angin. Sifat bunga lalang yang bergerak mengikut arah angin yang bertiup mendukung makna simbolik tertentu dalam masyarakat Melayu dahulu. Oleh sebab itu masyarakat Melayu menggunakan perlambangan bunga lalang sebagai tanda dalam penciptaan pantun yang dilihat mendukung makna simbolik tertentu yang boleh dipindahkan maknanya ke dalam dunia dan kehidupan manusia secara realiti.

Horizontal	Vertikal
Bunga lalang berikat benang	Bunga lalang dengan harimau diam?
Bungkus mari dengan kain	Berikat benang dengan nampak senang?
Harimau diam nampak senang	Bungkus mari dengan jangan tepuk?
Jangan tepuk nak buat main	Kain dengan nak buat main?


(c)

6.2.3 Matriks (MAT), Model (MOD) dan Varian (VAR)

MAT dalam rangkap pantun tersebut boleh dizahirkan melalui baris maksud *harimau diam* *nampak senang* dan *jangan tepuk nak buat main*. MAT berfungsi sebagai kata kunci yang mengarah kepada tema atau makna keseluruhan pantun. Melalui pemaknaan MAT, terdapat beberapa kata kunci yang berperanan sebagai MOD dalam pantun yang dianalisis, iaitu frasa *bunga lalang* dan *harimau diam*. VAR dalam pantun ini pula merupakan transformasi MOD pada setiap satuan tanda (baris pantun) yang terdiri daripada frasa bunga lalang pada baris pembayang yang pertama dan frasa harimau diam pada baris maksud yang pertama. Daripada MAT, MOD dan VAR barulah tema pantun ini dapat diabstrakkan, iaitu jauhi sifat angkuh dan sombong dalam kehidupan.

6.2.4 (i) Hermeneutik: Hipogram I

Hipogram I berupa separa-andaian. Pada tahap ini terjadinya proses interpretasi yang bersungguh-sungguh. Pembaca pantun mungkin telah terbiasa dengan kod 'bunga lalang' kerana ini menjadi indeks dalam kehidupan harian mereka. Masyarakat dahulu menggunakan bunga lalang sebagai perlambangan dalam penciptaan pantun adalah berdasarkan sifat yang ada pada bunga lalang.



Rajah 6. Unit Stilistik bagi Lambang Bunga Lalang

Berdasarkan rajah tersebut, dapat dilihat pertentangan idea atau maklumat antara dua frasa, iaitu *bunga lalang* dan *harimau diam*. Frasa *harimau diam* menunjukkan pertentangan makna bagi sifat semula jadi harimau yang bengis dan garang. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan pertentangan antara dua maklumat. Oleh itu, dapat difahami bahawa penulis menggunakan kiasan *harimau diam* bagi merujuk sifat manusia yang merendah diri (Unit Stilistik).

6.2.4 (ii) Hipogram II

Hipogram II ialah proses pembongkaran kod kata untuk mencari signifikan makna teks secara lebih jelas dan tepat. Lalang merupakan sejenis tumbuhan yang hampir sama dengan padi. Namun, terdapat perbezaan antara kedua-dua tumbuhan ini. Perbezaannya ialah daun lalang kasar sedikit, tidak seperti daun padi sehingga kerbau dan lembu juga tidak suka memakan daun lalang. Lalang sukar dihapuskan dan cepat pula merebak. Apabila padi berbuah, tangkainya mula merunduk. Semakin berisi buahnya semakin berat runduknya. Lalang pula apabila berbunga, bunganya itu akan menjulang ke langit walaupun tidak dipedulikan orang. Kemudian bunganya luruh dan habis ditiup angin. Buah padi yang runduk itu diibaratkan sifat merendah diri insan atau manusia yang tidak sombong, tetapi bunga lalang yang tegak menjulang ke langit itu diibaratkan manusia yang sombong dan takabur. Pengkaji melakukan perbandingan antara padi dan lalang bagi menunjukkan signifikan makna di sebalik perlambangan lalang yang digunakan oleh penulis dalam pantun tersebut. Hal ini supaya, maksud yang hendak disampaikan oleh penulis difahami dengan jelas dan berkesan.

Kod 'bunga lalang' dengan 'harimau diam' adalah saling berhubungan dan berkaitan dalam memaknai pantun tersebut. Kedua-dua kod tersebut mendukung makna yang berlawanan atau antonim, iaitu kod 'bunga lalang' adalah merujuk seseorang yang sentiasa bermegah dengan kelebihan diri yang ada padanya sehingga menimbulkan sifat takabur di dalam hati manakala, kod 'harimau diam' pula dikonsepsikan sebagai manusia yang sentiasa merendah diri dan tidak gemar menunjuk-nunjuk kelebihan yang ada pada dirinya. Kata sifatan 'diam' berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), bermaksud tidak melakukan sesuatu; tidak mengambil apa-apa tindakan; perbuatan mendiamkan diri (tidak berkata-kata). Kata sifatan 'diam' yang bertindak sebagai kata adverba bagi perkataan harimau memberi gambaran kepada khalayak pembaca tentang sifat harimau, iaitu walaupun mempunyai taring dan kuku yang tajam serta ganas namun harimau tersebut tidak mempamerkan kegarangan serta kelebihan yang ada pada dirinya. Sebaliknya memilih untuk diam, iaitu tidak berbuat apa-apa. Oleh sebab itu pengkaji mengandaikan kod 'harimau diam' adalah merujuk seseorang yang sentiasa merendah diri walaupun mempunyai kelebihan yang banyak pada dirinya.

Begitu juga bagi kod 'berikat benang' dan 'nampak senang' yang saling bersejajaran antara satu sama lain. Kod 'berikat benang' merujuk bunga lalang yang diikat benang supaya bunga lalang tersebut tidak terbang ditiup angin, manakala kod 'nampak senang' pula merujuk harimau. Sifat lalang seperti yang diketahui bergerak mengikut arah tiupan angin. Sekiranya angin menghembus dari Timur, maka ke baratlah lalang tersebut akan condong dan begitulah sebaliknya. Sifat lalang tersangat mudah dipengaruhi perubahan keadaan. Arah mana yang lebih menguntungkan, ke arah itulah bunga lalang akan sujud. Oleh sebab itulah sifat lalang itu sering diumpamakan dengan sifat manusia yang tidak ada pendirian, iaitu mudah terpengaruh dengan perubahan semasa demi kepentingan diri sendiri. Walaupun bunga lalang lazimnya membawa konotasi yang negatif dalam masyarakat Melayu dahulu, namun dalam konteks atau situasi tertentu bunga lalang turut mendukung makna yang positif, iaitu merujuk manusia yang bijak menyesuaikan diri dengan persekitaran (Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias, 2006: 17). Hal ini demikian kerana sifat bunga lalang yang bergerak mengikut arah tiupan angin dilihat sifat bunga lalang yang bijak menyesuaikan

diri dengan keadaan persekitaran semasa. Walau bagaimanapun, umumnya simbol bunga lalang ini membawa konotasi negatif dalam masyarakat Melayu. Hal ini berbeza dengan sifat 'harimau diam' yang berikonik sebagai manusia yang rendah diri dan mempunyai pendirian yang teguh. Orang Melayu dahulu menggunakan perlambangan bunga lalang sebagai tanda dalam memaknai pantun yang dicipta kerana bunga lalang melambangkan sifat sombong dan tidak mempunyai pendirian yang tetap. Pengetahuan masyarakat Melayu tentang alam tumbuhan mengajar dan memberikan pengetahuan tentang kenyataan alam dan kenyataan manusia juga.

Secara keseluruhannya, pantun tersebut menyampaikan nasihat kepada anak muda agar sentiasa merendah diri serta jauhi diri daripada sifat sombong dan takabur dalam kehidupan. Penulis menggunakan perlambangan bunga lalang dan harimau diam bagi memberi gambaran terhadap sifat yang ada pada manusia. Bunga lalang melambangkan manusia yang sombong dan meninggi diri, manakala harimau diam pula memberi perlambangan sebagai manusia yang sentiasa merendah diri dalam apa pun keadaan meskipun mempunyai kelebihan serta kehebatan yang tinggi.

6.3 Analisis Lambang Flora Bunga Melur

Selain lambang padi dan lalang, lambang bunga melur juga turut dikesan terdapat dalam pantun nasihat. Bunga melur mencatatkan jumlah kekerapan sebanyak 20 entri dengan peratusan 13%. Seperti pinang yang banyak digunakan dalam adat resam Melayu dahulu, bunga melur turut mendukung fungsi yang sama. Sifat bunga melur yang putih berseri dan berbau harum menyebabkan bunga ini sering dijadikan penyeri dan wangian dalam upacara-upacara adat yang dijalankan.

Bunga melur mekar setangkai,
Sungguh wangi bunga melati;
Biar buruk kain dipakai,
Asal pandai mengambil hati.
(PNMe1, 471:7)

6.3.1 Ketidaklangsungan Ekspresi

Berdasarkan pantun tersebut, bahagian pada kuplet pertama telah membayangkan maksud yang hendak disampaikan pada bahagian makna pada kuplet kedua. Simbol yang ditandai dalam pantun ini ialah unsur flora, iaitu bunga melur. Bunga melur atau nama botaninya *Jasminum bifanum* merupakan sejenis bunga yang berwarna putih serta berbau harum (Hembing, 2000: 167). Lambang bunga melur memperlihatkan bahawa wujudnya penyimpangan erti yang berlaku disebabkan oleh ambiguiti, iaitu mempunyai makna pelbagai yang dapat ditafsirkan mengikut konteks sehingga menghasilkan makna lebih daripada satu. Rangkap pantun tersebut juga memperlihatkan kewujudan kata kiasan, iaitu menggantikan erti sesuatu yang lain yang boleh berupa metafora atau metonimi (Riffaterre dalam Pradopo, 2005: 212). Bahasa kiasan dalam pantun boleh berupa peribahasa, simpulan bahasa, perumpamaan atau ungkapan tertentu untuk menyampaikan maksud pantun. Simpulan bahasa mengambil hati dalam pantun tersebut menunjukkan wujudnya penggantian erti dalam rangkap pantun tersebut. Oleh hal yang demikian, lambang bunga melur ini perlu diperincikan dengan lebih mendalam agar makna atau maksud sebenar pantun dapat difahami dengan lebih jelas dan tepat.

6.3.2 Heuristik

Pada tahap ini pantun dibaca berdasarkan morfologi, sintaksis dan semantik. Menurut Pradopo (2005: 36), pembacaan heuristik ialah pembacaan berdasarkan struktur bahasanya. Secara literal, pantun tersebut mengisahkan bunga melur yang hidup subur. Bunga melur tersebut tumbuh setangkai serta mengeluarkan bau yang harum. Dalam masyarakat Melayu, bunga Melur digunakan untuk menghilangkan bau busuk dengan kewangiannya (Zakaria, 1990: 2). Kehidupan masyarakat dahulu tidak dapat dipisahkan dengan alam yang bukan sahaja dilihat sebagai sumber rezeki mereka malahan merangkumi semua aspek kehidupan manusia.

Bahagian pembayangnya pada kuplet pertama, sudah membayangkan maksud pada bahagian kuplet kedua. Bahagian maksud baharu mendapat makna penuh sebagai semiotik dalam kontrasnya dengan hipogram (latar) pembayang yang ditransformasikannya.

Horizontal	Vertikal
Bunga melur mekar setangkai	Bunga melur dengan biar buruk?
Sungguh wangi bunga melati	Mekar setangkai dengan kain dipakai?
Biar buruk kain dipakai	Sungguh wangi dengan asal pandai?
Asal pandai mengambil hati	Bunga melati dengan mengambil hati?


6.3.3 Matriks (MAT), Model (MOD) dan Varian (VAR)

MAT dalam rangkap pantun tersebut boleh dizahirkan melalui baris maksud *biar buruk kain dipakai* dan *asal pandai mengambil hati*. MAT bukan tema, tetapi membantu mengarah pada tema. Pantun terdiri daripada pembayang dan maksud.

Melalui pemaknaan MAT, terdapat beberapa kata kunci yang berperanan sebagai MOD dalam pantun yang dianalisis, iaitu frasa *bunga melur* dan frasa *bunga melati*. VAR dalam pantun ini pula merupakan transformasi MOD pada setiap satuan tanda (baris pantun) yang terdiri daripada frasa bunga melur pada baris pembayang yang pertama dan frasa bunga melati pada baris pembayang yang kedua. Maksud atau isi terletak di bahagian kedua dalam setiap rangkap pantun. Pada bahagian inilah tersurat dan tersiratnya perkara yang hendak disampaikan dalam pantun tersebut, iaitu tema. Daripada MAT, MOD dan VAR barulah tema pantun ini dapat diabstrakkan, iaitu keutamaan budi pekerti dan adab sopan dalam kehidupan.

6.3.4 (i) Hermenueitik: Hipogram I

Hipogram I berupa separa-andaian. Pada tahap ini terjadinya proses interpretasi yang bersungguh-sungguh. Pembaca berusaha melihat kembali dan melakukan perbandingan dengan pantun yang dibaca dalam proses pembacaan tahap pertama. Pembaca pantun pada peringkat ini harus menghadapi rintangan pada tataran mimetik sebelum mencapai tahap pemaknaan dalam pantun. Kemudian pantun perlu diulang baca (retroaktif) dengan memberikan tafsiran secara hermeneutik bagi memecahkan kod-kod kata yang terdapat dalam pantun tersebut.



Rajah 7. Proses Pengumpulan Makna Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Bunga Melur

Rajah tersebut memperlihatkan persamaan makna (*accumulation by parataxis*) bagi perkataan atau frasa dalam rangkap pantun. Butir-butir leksikal tersebut berkongsi persamaan makna yang sama yang akhirnya mengajak kepada proses seterusnya, iaitu hubungan intertekstualiti. Lambang bunga melur dan melati dalam pantun ini membawa konotasi positif yang berhubung dengan hati manusia, iaitu kesucian, ketulusan dan kebersihan hati. Melalui butir-butir leksikal ini, seterusnya proses penyahkodan akan diteruskan pada tahap hipogram.

6.3.4 (ii) Hipogram II

Hipogram II ialah proses pembongkaran kod kata untuk mencari signifikan makna teks secara lebih jelas dan tepat. Dalam bahagian ini pengkaji mengandaikan kod 'bunga melur' mendukung makna yang kontras dengan kod 'biar buruk'. Bukan saja dilihat dari keselarian linguistik tetapi juga konteksnya. Kod 'bunga melur' yang melambangkan kesucian, ketulusan dan kebersihan hati merupakan simbol yang melengkap kod 'biar buruk'. Dalam masyarakat melayu, bunga melur melambangkan kesucian kerana warnanya putih. Warna putih itu sendiri melambangkan sesuatu yang suci dan bersih tanpa dicemari oleh sebarang kotoran (Murphy and Rowe, 1993: 16). Berdasarkan pantun tersebut, pengkaji mengandaikan bahawa penulis menggandingkan kod 'bunga melur' dengan 'biar buruk' bagi memberi makna secara kontras kerana sifat yang didukung oleh kedua-dua kod tersebut adalah bersifat berlawanan. Kod 'bunga melur' mendukung makna sesuatu yang melambangkan kesucian, kebersihan hati serta ketulusan, manakala kod 'biar buruk' pula merujuk sesuatu objek yang sifatnya tidak cantik atau buruk. Menerusi konteks pantun tersebut, kod 'biar buruk' merujuk kepada paras rupa seseorang, manakala kod 'bunga melur' pula adalah berikonik kepada kebersihan hati dan ketinggian budi seorang gadis. Bunga merupakan lambang sejagat (*universal sign*) yang merujuk gadis atau wanita (Wan Abdul Kadir, 1992: 5). Warna putih bunga melur diibaratkan seperti hati yang putih bersih tanpa sebarang kotoran. Oleh sebab itu,

penulis menggunakan lambang bunga melur sebagai tanda dalam memaknai penciptaan pantunnya kerana wujud sifat simbolik yang didukung oleh simbol tersebut.

Begitu juga bagi kod 'mekar setangkai' dan 'kain dipakai'. Kedua-dua kod adalah bersejajaran antara satu sama lain. Kod 'mekar setangkai' adalah merujuk bunga melur yang kembang segar dan mengeluarkan bau yang harum, manakala kod 'kain dipakai' pula adalah merujuk kepada keadaan seseorang yang serba kekurangan dan rupa paras yang kurang cantik. Sifat bunga melur yang putih bersih melambangkan hati yang suci dan budi pekerti yang luhur. Orang Melayu dahulu menggunakan perlambangan bunga melur dan melati bagi memberi gambaran bahawa nilai ukuran yang hakiki adalah hati yang suci bersih dan bukanlah diukur berdasarkan harta, rupa paras mahupun keturunan seseorang. Kehidupan orang Melayu dahulu yang dikelilingi alam menyebabkan mereka amat peka tentang sifat-sifat alam tumbuhan. Pengetahuan mereka tentang alam tumbuhan mengajar dan memberikan pengetahuan tentang kenyataan alam dan kenyataan manusia juga.

Seterusnya ialah kod 'sungguh wangi' dan 'asal pandai'. Kod 'sungguh wangi' adalah merujuk bunga melati yang harum baunya, manakala kod 'asal pandai' pula adalah merujuk perlakuan sopan dan berbudi bahasa dalam pergaulan. Bunga melati dan melur sangat digemari oleh masyarakat dahulu kerana mempunyai bau yang harum dan menyenangkan. Bunga melur dan melati ini banyak digunakan dalam upacara adat dan budaya masyarakat Melayu tradisi. Seperti juga bunga melati dan bunga melur, masyarakat Melayu juga amat menyenangi sifat berbudi bahasa dan sopan santun dalam pergaulan. Budi bahasa yang sopan dan santun diibaratkan seperti bunga melati yang harum baunya.

Kod 'bunga melati' dan 'mengambil hati' juga menunjukkan kesejajaran makna antara satu sama lain. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, lambang bunga melati dan melur mendukung makna simbolik yang sama, iaitu melambangkan kebersihan hati, ketulusikhlasan dan kesucian. Hal ini demikian kerana kedua-dua bunga ini mempunyai warna yang sama, iaitu putih yang melambangkan sesuatu yang suci dan bersih tanpa dicemari oleh sebarang kotoran (Murphy dan Rowe, 1993: 16). Dalam masyarakat Melayu, bunga melur dan melati sering dijadikan sebagai tanaman hiasan di rumah atau di taman kerana mempunyai bau yang harum dan menyenangkan. Sifat bunga melati yang harum baunya mampu mengambil hati atau menarik perhatian sesiapa sahaja yang dekat dengannya. Hal ini samalah seperti manusia, jika pandai mengambil hati, iaitu berbudi bahasa dalam pergaulan sudah tentu akan dihormati dan disenangi oleh orang lain. Lambang bunga melati dan melur ini telah menjadi indeks dalam kehidupan masyarakat Melayu dahulu, maka tidak hairanlah jika mereka menggunakan lambang-lambang ini sebagai tanda dalam penciptaan pantun yang dihasilkan. Pengamatan mereka mengenai nama, sifat dan simbolik sesuatu tumbuhan itu kemudiannya dikaitkan dengan kehidupan manusia secara realiti.

7. Perbincangan

Melalui analisis kognitif yang ditunjukkan pada bahagian analisis sebelum ini, terdapat persoalan yang boleh dibangkitkan. Berdasarkan pantun tersebut didapati masyarakat Melayu pada masa lalu meletakkan padi pada kedudukan yang lebih tinggi berbanding dengan lalang. Hal ini demikian kerana lalang merupakan sejenis tumbuhan yang hampir sama dengan padi. Namun, terdapat perbezaan antara kedua-dua tumbuhan ini. Perbezaannya ialah daun lalang kasar sedikit, tidak seperti daun padi sehingga kerbau dan lembu juga tidak suka memakan daun lalang. Lalang sukar dihapuskan dan cepat pula merebak. Apabila padi berbuah, tangkainya mula merunduk. Semakin berisi buahnya semakin berat runduknya. Lalang pula apabila berbunga, bunganya itu akan menjulang ke langit walaupun tidak dipedulikan orang. Kemudian bunganya luruh dan habis ditiup angin. Buah padi yang runduk itu diibaratkan sifat merendahkan diri insan atau manusia yang tidak

sombong, tetapi bunga lalang yang tegak menjulang ke langit itu diibaratkan manusia yang sombong dan takabur. Perbandingan antara padi dan lalang dilakukan bagi menunjukkan signifikan makna di sebalik perlambangan lalang yang digunakan dalam pantun tersebut. Hal ini supaya, maksud yang hendak disampaikan dalam pantun tersebut dapat difahami dengan jelas dan berkesan.

8. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, sistem perlambangan dalam pantun menggambarkan cerdas akal orang Melayu yang merupakan *world view* orang Melayu, penuh dengan kekayaan falsafah, nilai dan budi yang menggambarkan masyarakat Melayu. Dalam mengkaji hubungan antara simbol dengan makna, terdapat proses persepsi, kognisi, konseptualisasi, dan reifikasi yang hadir dalam konteks. Pantun menjadi wahana dalam memmanifestasikan makna dalam minda orang Melayu. Masyarakat Melayu itu melihat alam sebagai sebahagian dari kehidupan yang harus dikenali dan difahami. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, mereka hidup di tepi sungai, di tepi laut, paya hutan atau bukit. Sungai, laut, paya, hutan dan bukit ini menjadi ruang hidup yang sebenar dan konkrit. Mereka harus belajar bagaimana musim beralih, bagaimana rentak pasang dan surut mempengaruhi kehidupan. Tabiat binatang, unggas dan ikan terjalin ke dalam kewujudannya. Pengetahuan tentang alam ini adalah bersifat kolektif dan akumulatif. Terkandung di dalamnya adalah perkongsian pengetahuan bersama dan akan diwarisi melalui beberapa generasi alam (Muhammad Haji Salleh, 2006: 16). Pengetahuan masyarakat Melayu tentang alam tumbuhan mengajar dan memberikan pengetahuan tentang kenyataan alam dan kenyataan manusia juga. Semua perkara yang terjadi kepada alam tumbuhan akan dibentangkan dalam empat baris berangkap yang terdiri daripada pembayang dan maksud, iaitu pantun. Sebab dan musabab yang terjadi kepada alam tumbuhan ini akan diterjemahkan sebagai pengajaran yang boleh dipindahkan maknanya kepada dunia dan nasib manusia. Apabila masyarakat Melayu mula mencipta pantun, maka pengetahuan berkaitan dengan alam tumbuhan akan diadunkan dengan indah bagi menggambarkan pengiktirafan bahawa pentingnya alam sekeliling mereka pada rangkap pantun (Haryati Syafii, 2010: 13). Hal ini jelas menunjukkan bahawa pencipta pantun begitu mengetahui akan alam sekelilingnya dengan meletakkan simbol tumbuhan dalam pantun.

Rujukan

- [1] Sulissusiawan, Ahadi. "Pantun muhakam dalam adat perkahwinan Melayu Sambas: analisis simbolisme." PhD diss., Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2014.
- [2] Ahmad Saidin. (2016, 4 April). *Pantun Semakin Dilupakan*. Berita Harian, ms. 23.
- [3] Anim Hosnan. (2019). Tanaman Padi di Malaysia: Teknik Semaian dan Tuaian Yang Betul. Capaian daripada <http://animhosnan.blogspot.com/padi>
- [4] Andry Hermawan. (2010). *A Semiotic Analysis on Kim Addonizio's Poems*. Universiti Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- [5] Shafii, Haryati. "Kelestarian alam dalam seni budaya melayu: pantun sebagai bayangan falsafah alam." (2010).
- [6] Hembing. (2000). *Encyclopedia of Medicinal Plants of Indonesia*. PT Toko Gunung Agung. Jakarta.
- [7] bt Baharom, Hajah Noresah. "Kamus Dewan Edisi Keempat." (2005).
- [8] Ahmad, Mohd Thani. *Kurik kundi merah saga: kumpulan pantun lisan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- [9] Leech G. (1974). *Semantics*. England: Penguin Books Limited.
- [10] Ab Rahman, Mohamad Azmi. "Analisis simbolisme dalam pantun percintaan Melayu." (1997).
- [11] Shahidan, Mohamad. "Penjabaran semiotik dalam puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad." PhD diss., Universiti Putra Malaysia, 2001.
- [12] Salleh, Muhammad Haji. *Perayaan metafora: kias dan ibarat di pentas pantun*. 1996.
- [13] Salleh, Muhammad Haji. *Puitika Sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- [14] Murphy, John, and Michael Rowe. *How to design trade marks and logos*. Betterway Books, 1991.
- [15] Daud, Noriza. "Semiotik daripada perspektif Islam: Konsepsi lambang pantun warisan rakyat." PhD diss., University of Malaya, 2004.

-
- [16] Aminah, Nurul. "Hasnah, 2014. Interpretasi Pantun daripada Perspektif Semiotik dlm." *Jurnal* (2014): 001-009.
- [17] Pradopo, Rachmat Djoko. *Beberapa teori sastra, metode kritik, dan penerapannya*. Pustaka Pelajar, 1995.
- [18] Riffaterre, Michael. "Semiotics of poetry." (1980).
- [19] Riffaterre, M. (1983). *Text Production*, New York: Columbia University Press.
- [20] Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias (Ed.). (2006). *Pandangan semesta Melayu: Pantun*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [21] Tay, Chin Huey. "Penggunaan unsur warna dalam simpulan Bahasa Cina/Tay Chin Huey." PhD diss., University of Malaya, 2016.
- [22] Shukor, Noraini Abdul, and TENGKU INTAN MARLINA TENGKU MOHD ALI. "Padi sebagai tanda dalam peribahasa Melayu." *Jurnal Melayu* 15, no. 1 (2016).
- [23] Wan Abdul Kadir Wan Yusuf. (1992). *Urbanisasi dan Modenisasi Budaya Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Akademi Pengajian Melayu.
- [24] Zakaria Abdullah. (1990). *Pokok Bunga-Bunga di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pam Publishing.